


1. Sebut harga adalah dipelawa daripada **Syarikat seratus peratus (100%) milik warganegara** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM)** dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi menyertai sebut harga seperti berikut :

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	TARAF	TARIKH DOKUMEN SEBUT HARGA DIJUAL, TARIKH TUTUP SEBUT HARGA, NO. PETI SEBUT HARGA & TARIKH TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK	WAKTU JUALAN, TEMPAT DOKUMEN SEBUT HARGA DIJUAL & TEMPAT TUTUP SEBUT HARGA	LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (LPIPM)	BAYARAN DOKUMEN
SPP / SH / 28000 / 34 (US) / 2023	KERJA-KERJA MENAIK TARAF SISTEM PAIP AIR AGIHAN DI BLOK X BANGUNAN MJIIT UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA KUALA LUMPUR □  Iklan Sebut Harga juga boleh dilihat dipautan : i) <a href="https://ecommerce.utm.my/etender">https://ecommerce.utm.my/etender</a>	Terbuka	Tarikh Pamer Naskah Meja : <b>08 DISEMBER 2023</b>  Tarikh Jual Sebut Harga : <b>11 DISEMBER 2023</b> hingga <b>15 DISEMBER 2023</b>  Tarikh Tutup Sebut Harga : <b>20 DISEMBER 2023</b>  No. Peti Sebut Harga : No. 1  Tarikh Taklimat dan Lawatan Tapak : <b>11 DISEMBER 2023 - ISNIN</b>  <b>(WAJIB)</b>	Waktu Pejabat :  <b>Isnin - Khamis</b> <b>9.00 pagi hingga 3.00 petang</b>  <b>Jumaat</b> <b>9.00 pagi hingga 12.00 tengahari</b>  Tempat Jual Sebut Harga : <b>Unit Kontrak dan Perolehan, Aras 4, Blok PA, Seksyen Projek dan Penyenggaraan, Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM Kuala Lumpur</b>  Tempat Tutup Sebut Harga : <b>Unit Kontrak dan Perolehan, Aras 4, Blok PA, Seksyen Projek dan Penyenggaraan, Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM Kuala Lumpur</b>	LPIPM  Gred : G2  Kategori : <b>B (Bangunan)</b>  Pengkhususan : <b>B10 (Sistem Paip Air Dalaman) atau B24 (Kerja Penyenggaraan Bangunan) atau B27 (Perkhidmatan Penyenggaraan Sistem Bekalan Air atau Sistem Pembetungan)</b>  <b>(ALAMAT CIDB DI KUALA LUMPUR SAHAJA)</b>	<b>RM50.00</b> senaskah  (Tidak akan dikembalikan)  <b>Pembayaran adalah secara atas talian melalui pautan :</b>  <a href="https://ecommerce.utm.my/v2/">https://ecommerce.utm.my/v2/</a>    *Manual Pembayaran Dokumen Tawaran Seksyen Projek dan Penyenggaraan, Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM Kuala Lumpur  <b>ATAU</b> <b>Draf Bank atas nama Bendahari Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur</b>

2. Dokumen Tawaran boleh didapati dengan membuat bayaran secara atas talian melalui pautan : <https://ecommerce.utm.my/v2/> atau draf bank atas nama **Bendahari Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur** dan hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang namanya tercatat dalam **Surat Pendaftaran Asal (LPIPM, Pusat Khidmat Kontraktor)** sahaja. Kontraktor hendaklah membawa bersama **resit asal pembayaran, Sijil Asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** serta satu set salinan fotostat bagi kesemua dokumen tersebut semasa membeli dokumen tawaran.

3. Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga No. 1 di Unit Kontrak dan Perolehan, Aras 4, Blok PA, Seksyen Projek dan Penyenggaraan, Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM Kuala Lumpur** tidak lewat dari tarikh dan masa tutup iaitu **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari**. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan **tidak akan dipertimbangkan**.

4. Penyebut harga adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri satu taklimat dan lawatan ke tapak bina yang akan diadakan pada **11 DISEMBER 2023 (ISNIN) jam 10.00 pagi di Bilik Al-Ikhlis, Aras 1 Blok PA UTM Kuala Lumpur**. Kontraktor boleh terus menghubungi Pegawai bertanggungjawab iaitu **ENCIK MOHD FAZLAN BIN ABDUL PATAH** di talian **03 – 2615 4563/4806**. Dokumen tawaran boleh dibeli selepas taklimat dan lawatan tapak. Hanya penama di dalam sijil pendaftaran sahaja yang boleh menghadiri taklimat dan lawatan tapak serta tidak boleh mewakili pegawai lain selain daripada penama yang dibenarkan. Hanya kontraktor yang hadir taklimat dan lawatan tapak sahaja layak membeli dokumen. Penyebut harga diingatkan supaya mengambil maklum mengenai maklumat yang terdapat pada iklan ini sebelum membuat bayaran pembelian dokumen.